



Jabatan Pembangunan Kemahiran  
Kementerian Sumber Manusia, Malaysia

STANDARD KEMAHIRAN PEKERJAAN KEBANGSAAN  
(*NATIONAL OCCUPATIONAL SKILLS STANDARD*)

A032-003-3:2019

PENYELIAAN OPERASI AKUAKULTUR  
IKAN HIASAN MARIN  
*MARINE ORNAMENTAL FISH AQUACULTURE  
OPERATION SUPERVISION*

TAHAP 3

Hak cipta © JPK 2019



Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62530 PUTRAJAYA, MALAYSIA

STANDARD KEMAHIRAN PEKERJAAN KEBANGSAAN

**PENYELIAAN OPERASI AKUAKULTUR IKAN HIASAN MARIN**

***MARINE ORNAMENTAL FISH AQUACULTURE OPERATION SUPERVISION***

**TAHAP 3**

Hak cipta terpelihara.

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh dihasilkan, disimpan di dalam pangkalan data, sistem carian, atau dalam apa-apa bentuk dengan sebarang cara, elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK).

## KANDUNGAN

Singkatan .....	i
Glosari .....	ii
Penghargaan .....	iii
<b>PRAKTIS STANDARD</b> .....	1
1. Pengenalan.....	2
1.1. Latar Belakang Pekerjaan .....	2
1.2. Rasional Pembangunan NOSS.....	2
1.3. Rasional Struktur Pekerjaan dan Struktur Bidang Pekerjaan.....	3
1.4. Keperluan Badan Kawalselia/ Berkanun Berkaitan Pekerjaan.....	3
1.5. Prasyarat Pekerjaan .....	3
1.6. Prasyarat Umum Latihan Bagi Sistem Pensijilan Kemahiran Malaysia .....	3
2. Struktur Pekerjaan (OS).....	4
3. Struktur Bidang Pekerjaan (OAS).....	4
4. Definisi Tahap Kompetensi.....	5
5. Penganugerahan Sijil.....	6
6. Kompetensi Pekerjaan.....	6
7. Kondisi Kerja .....	6
8. Prospek Pekerjaan .....	6
9. Peluang Peningkatan Kemahiran.....	7
10. Organisasi Rujukan Bagi Sumber Maklumat Tambahan .....	8
11. Jawatankuasa Teknikal Penilaian Standard.....	9
12. Jawatankuasa Pembangunan Standard .....	10
<b>KANDUNGAN STANDARD</b> .....	11
13. Carta Profil Kompetensi (CPC) .....	12
14. Profil Kompetensi (CP) .....	13
<b>KURIKULUM UNIT KOMPETENSI</b> .....	20
15. Kurikulum Unit Kompetensi .....	21
15.1. Penyediaan Dan Perawatan Air Masin .....	21
15.2. Penyelarasan Pemasangan Sistem Tangki Ikan Hiasan.....	26
15.3. Penyeliaan Rawatan Penyakit Ikan Hiasan Marin.....	31
15.4. Propagasi Karang Laut .....	36
15.5. Fungsi Penyeliaan Operasi Akuakultur Ikan Hiasan Marin.....	41
16. Mod Penyampaian .....	47

<b>17. Perkakasan, Peralatan dan Bahan (TEM) .....</b>	<b>48</b>
<b>18. Peratusan Pemberat Kompetensi .....</b>	<b>52</b>
<b>Contoh Kiraan Ringkasan Tempoh Latihan.....</b>	<b>54</b>

**Singkatan**

1. NOSS *National Occupational Skills Standard*
2. OS *Occupational Structure*
3. OAS *Occupational Area Structure*
4. CoCU *Curriculum of Competency Unit*
5. BLKP Bahagian Latihan Kemahiran Pertanian
6. SKM Sijil Kemahiran Malaysia
7. DKM Diploma Kemahiran Malaysia
8. DLKM Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia
9. PC Penyata Pencapaian
10. PPE *Personal Protective Equipment*
11. SKPK Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan
12. SPS *Short Polyp Stony*
13. LPS *Large Polyp Stony*

## Glosari

1. Batu Hidup  
(*Live Rock*) Batu karang yang mengandungi organisme akuatik yang berfungsi sebagai sistem penapisan biologi dalam akuarium marin.
2. Fitoplankton Tumbuh-tumbuhan yang sangat kecil dan hidup terapung dalam air.
3. Zooplankton Plankton yang terdiri daripada haiwan-haiwan seni yang merupakan sumber makanan ikan dsb.
4. Akuakultur Proses menternak spesies hidupan (haiwan dan tumbuhan) air tawar, air payau atau air masin di dalam persekitaran yang terkawal. Selain itu, akuakultur juga merangkumi segala aktiviti pengeluaran, pemprosesan dan pemasaran produk hidupan air.
5. Amalan  
Akuakultur  
Baik Kod amalan ternakan ini disediakan untuk memperakukan tanggungjawab dan matlamat aktiviti ternakan ikan di Malaysia sebagai salah satu pengguna sumber alam sekitar yang boleh menyumbang kepada pengurusan dan pemuliharaan sumber alam sekitar secara mapan dan bertanggungjawab.
6. Profilaksis Ubatan atau kaedah pencegahan dan pengawalan penyakit.

## **Penghargaan**

Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran berhasrat memberi penghargaan kepada organisasi dan individu berkaitan yang telah terlibat secara langsung atau tidak langsung kepada pembangunan Standard ini.

- i. Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (MPKK)
- ii. Jawatankuasa Teknikal Standard (JTS)
- iii. Jawatankuasa Teknikal Penilaian Standard (JTPS)
- iv. Jawatankuasa Pembangunan Standard (JPS)
- v. Fasilitator
- vi. Urusetia
- vii. Bahagian Latihan Kemahiran Pertanian (BLKP)

**PRAKTIS STANDARD**  
**STANDARD KEMAHIRAN PEKERJAAN KEBANGSAAN (SKPK) UNTUK:**  
**PENYELIAAN OPERASI AKUAKULTUR IKAN HIASAN MARIN**  
**TAHAP 3**



## 1. Pengenalan

Pengeluaran ikan hiasan telah meningkat sebanyak 22.16 peratus iaitu dari 308 juta ekor kepada 376 juta ekor dalam tempoh 2010 – 2015. Menyedari prospek yang besar, industri ini telah disenaraikan di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara sehingga 2020. Ia dijangka menyumbang tidak kurang daripada RM600 juta kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan menawarkan kira-kira 100,000 peluang pekerjaan baharu menjelang akhir tahun 2020. Sebanyak 1.5 bilion ikan hiasan dan tumbuhan akuatik bernilai RM1.7 bilion disasarkan dapat dieksport dalam Rancangan Malaysia Ke-10<sup>1</sup>.

Ikan hiasan marin merupakan antara satu industri yang sangat berpotensi tinggi untuk dimajukan di Malaysia. Hiasan marin boleh di pecahkan kepada 4 kategori iaitu (1) ikan marin, (2) karang laut, (3) Invetebrata (seperti tapak sulaiman, gamat, udang, siput dll.) dan (4) abiotik (seperti pasir dan karang laut yang telah mati).

Malaysia mempunyai potensi besar sebagai pengeksport utama ikan hiasan marin. Malaysia mempunyai pantai sepanjang 4,675 km dan mempunyai keluasan laut sebesar 379,820 km persegi. Lautan Malaysia meliputi Selat Melaka, Laut China Selatan, Laut Sulu dan Laut Sulawesi. Sehingga 2018, Malaysia hanya tertumpu kepada ikan hiasan air tawar dan tumbuhan akuatik air tawar, yang mana pasaran ikan hiasan tawar hanya menguasai 25% di pasaran dunia berbanding dengan ikan hiasan marin iaitu 75% permintaan di pasaran dunia.

Negara pengeksport dunia utama dalam ikan hiasan marin adalah seperti Indonesia, Malaysia, Filipina, Fiji, Tonga dan Australia. Di Malaysia sahaja, terdapat lebih kurang 500 spesies karang laut keras dan lebih kurang 200 spesies ikan hiasan marin mampu diperdagangkan dan ini dapat menjana ekonomi bagi negara Malaysia.

### 1.1. Latar Belakang Pekerjaan

Secara umumnya skop pekerjaan Juruteknik Akuakultur Ikan Hiasan Marin adalah adalah menguatkuasa prosedur dan memantau operasi keseluruhan pusat ternakan. Tugasan utama lain termasuk khidmat nasihat dalam penyelesaian isu-isu harian di tempat kerja. Penyelia juga bertanggungjawab dalam memastikan tahap keterampilan pekerja menepati sasaran produktiviti syarikat.

### 1.2. Rasional Pembangunan NOSS

NOSS Penyeliaan Operasi Akuakultur Ikan Hiasan Marin Tahap 3 ini adalah NOSS baharu dan dibangunkan bagi mengiktiraf kemahiran teknikal pekerja-pekerja sedia ada dalam bidang ini di Malaysia. Bagi menampung permintaan tinggi pasaran terhadap produk dan perkhidmatan berkaitan ikan hiasan, pekerja-pekerja mahir adalah diperlukan bagi memastikan kualiti produk dan perkhidmatan memenuhi piawaian dan Kod Amalan Akuakultur Baik.

---

<sup>1</sup> Jabatan Perikanan Malaysia. 2013. Berita Perikanan Bil.83 (Disember 2013).

### 1.3. Rasional Struktur Pekerjaan dan Struktur Bidang Pekerjaan

Struktur Pekerjaan bidang akuakultur dibangunkan berdasarkan *Malaysia Standard Industrial Classification (MSIC) 2008*. MSIC meletakkan bidang ini dalam seksyen A: Pertanian, Perhutanan dan Perikanan, dalam kumpulan 032: Akuakultur. Bagi operasi akuakultur ikan hiasan, bidang ini dipecahkan kepada dua sub bidang iaitu Akuakultur Ikan Hiasan Air Tawar dan Akuakultur Ikan Hiasan Marin. NOSS ini hanya memberikan tumpuan kepada pekerja-pekerja di sub bidang Akuakultur Ikan Hiasan Marin. Laluan kerjaya dalam bidang ini adalah jelas dengan perjawatan bermula dari Tahap 2 sehingga Tahap 5. Tahap 1 tiada perjawatan kerana berdasarkan hasil analisis pekerjaan, kerja-kerja rutin dan boleh dijangka dilakukan pada Tahap 2. Justeru, Struktur Bidang Pekerjaan bidang ini bermula pada Tahap 2 dimana kerja-kerja pada Tahap 1 dirangkum pada Tahap 2. NOSS Tahap 3 dibangunkan secara berasingan kerana skop kerja yang berbeza, keperluan kemahiran teknikal yang lebih tinggi dan tanggungjawab dalam penyeliaan operasi akuakultur.

### 1.4. Keperluan Badan Kawalselia/ Berkanun Berkaitan Pekerjaan

Industri akuakultur marin sama ada besar atau kecil yang menjalankan aktiviti ini adalah dikawal selia dan diberi khidmat nasihat dibawah peraturan dan polisi oleh pihak berkuasa dan akta seperti berikut:

- i) Jabatan Perikanan Malaysia
  - Akta Perikanan 1985 (Akta 317)
  - Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008 (Akta 686)
- ii) Jabatan Perikanan Sabah
  - Enakmen Perikanan Darat dan Akuakultur 2003
- iii) Jabatan Hutan Sarawak
  - Wildlife Protection Ordinance 1998
- iv) Malaysian Quarantine & Inspection Services (MAQIS)
  - Akta Perkhidmatan Kuarantin & Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728)
- v) Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)
  - Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia 1971 (Akta 49)

### 1.5. Prasyarat Pekerjaan

Pihak majikan dan pekerja mesti mematuhi keperluan Akta Pekerjaan Malaysia 1955.

### 1.6. Prasyarat Umum Latihan Bagi Sistem Pensijilan Kemahiran Malaysia

Calon telah memenuhi keperluan Sijil Kemahiran Malaysia dalam bidang Operasi Akuakultur Ikan Hiasan Marin Tahap 2.

## 2. Struktur Pekerjaan (OS)

Seksyen	(A) Pertanian, Perhutanan dan Perikanan	
Kumpulan	(032) Akuakultur	
Bidang	Akuakultur Ikan Hiasan Air Tawar	Akuakultur Ikan Hiasan Marin
Tahap 5	Pengurus Akuakultur Ikan Hiasan Air Tawar	Pengurus Akuakultur Ikan Hiasan Marin
Tahap 4	Eksekutif Akuakultur Ikan Hiasan Air Tawar	Eksekutif Akuakultur Ikan Hiasan Marin
Tahap 3	Penyelia Operasi Akuakultur Ikan Hiasan Air Tawar	Juruteknik Akuakultur Ikan Hiasan Marin
Tahap 2	Juruteknik Akuakultur Ikan Hiasan Air Tawar	Pembantu Juruteknik Akuakultur Ikan Hiasan Marin
Tahap 1	Tiada Tahap	Tiada Tahap

Rajah 1: Struktur Pekerjaan

## 3. Struktur Bidang Pekerjaan (OAS)

Seksyen	(A) Pertanian, Perhutanan dan Perikanan	
Kumpulan	(032) Akuakultur	
Bidang	Akuakultur Ikan Hiasan Air Tawar	Akuakultur Ikan Hiasan Marin
Tahap 5	Pengurusan Akuakultur Ikan Hiasan Air Tawar	Pengurusan Akuakultur Ikan Hiasan Marin
Tahap 4	Pentadbiran Akuakultur Ikan Hiasan Air Tawar	Pentadbiran Akuakultur Ikan Hiasan Marin
Tahap 3	Penyeliaan Operasi Akuakultur Ikan Hiasan Air Tawar	Penyeliaan Operasi Akuakultur Ikan Hiasan Marin
Tahap 2	Operasi Akuakultur Ikan Hiasan Air Tawar	Operasi Akuakultur Ikan Hiasan Marin
Tahap 1	Tiada Tahap	Tiada Tahap

Rajah 2: Struktur Bidang Pekerjaan

#### 4. Definisi Tahap Kompetensi

SKPK dibangunkan untuk pelbagai bidang pekerjaan. Berikut adalah garis panduan setiap SKPK sebagaimana yang ditakrifkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia, Malaysia.

- Tahap 1: Terampil melakukan pelbagai aktiviti kerja, sebahagian besarnya adalah lazim dilakukan dan boleh dijangka.
- Tahap 2: Terampil melakukan pelbagai aktiviti kerja di dalam pelbagai konteks, sebahagiannya adalah tidak lazim dilakukan serta memerlukan tanggungjawab dan autonomi diri.
- Tahap 3: Terampil melakukan pelbagai aktiviti kerja di dalam pelbagai konteks, kebanyakannya adalah kompleks dan tidak lazim dilakukan. Mempunyai tanggungjawab dan autonomi diri yang tinggi, di samping mengawal dan memberi panduan kepada yang lain.
- Tahap 4: Terampil melakukan pelbagai aktiviti kerja teknikal dan profesional yang luas skop dan konteksnya. Mempunyai tanggungjawab dan autonomi diri yang tinggi, di samping lazim bertanggungjawab terhadap kerja orang lain dan agihan sumber-sumber.
- Tahap 5: Terampil menggunakan pelbagai prinsip asas dan teknik yang kompleks, serta selalu tidak dijangka. Mempunyai tanggungjawab dan autonomi diri yang sangat tinggi, serta bertanggungjawab terhadap kerja orang lain dan agihan sumber-sumber. Bertanggung-jawab juga terhadap analisis, diagnosis, reka bentuk, perancangan, pengendalian dan penilaian.

## 5. Penganugerahan Sijil

Ketua Pengarah boleh menganugerahkan, kepada mana- mana orang apabila menepati Standard dengan kelayakan kemahiran dibawah Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 (Akta 652) seperti berikut:

- 5.1. Sijil Kemahiran Malaysia (SKM)
- 5.2. Penyata Pencapaian

## 6. Kompetensi Pekerjaan

Personel yang terampil dalam Penyeliaan Operasi Akuakultur Ikan Hiasan Marin Tahap 3 adalah kompeten dalam melakukan kompetensi teras berikut:

- 6.1. Penyediaan Dan Perawatan Air Masin
- 6.2. Penyelarasan Pemasangan Sistem Tangki Ikan Hiasan Marin
- 6.3. Penyeliaan Rawatan Penyakit Ikan Hiasan Marin
- 6.4. Propagasi Karang Laut
- 6.5. Fungsi Penyeliaan Operasi Akuakultur Ikan Hiasan Marin

## 7. Kondisi Kerja

Pada amnya pekerja-pekerja dalam bidang penternakan akuakultur marin bekerja mengikut waktu yang ditentukan oleh sesuatu organisasi / syarikat atau mengikut syif. Mereka juga boleh diminta untuk bekerja lebih masa mengikut keperluan. Kebanyakan masa bekerja adalah di pusat ternakan akuakultur marin yang terdedah kepada pelbagai keadaan cuaca serta melibatkan pelbagai aktiviti kerja di dalam pelbagai konteks, sebahagiannya adalah tidak lazim dilakukan serta memerlukan tanggungjawab dan autonomi diri yang meliputi aspek-aspek penternakan akuakultur marin. Sesetengah tugas pula memerlukan tenaga fizikal seperti mengangkat peralatan dan bahan yang agak berat. Bidang ini memerlukan daya kreativiti yang tinggi terutama ketika kerja-kerja menghias akuarium. Personel perlu cergas kerana keadaan kerja boleh menjadi sangat tidak selesa dan mencabar dari segi fizikal. Mereka perlu bekerjasama dan bekerja di dalam satu pasukan mengikut tugas dan kemahiran masing-masing.

## 8. Prospek Pekerjaan

Pembangunan akuakultur negara telah menunjukkan perkembangan pesat dengan kadar pertumbuhan tahunan purata sebanyak 8% setahun dalam tempoh 10 tahun yang lalu. Kerajaan terus memberi tumpuan untuk menggalak pembangunan akuakultur negara melalui program pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 dan tersenarai sebagai salah satu Projek Utama di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara Sektor Pertanian sehingga tahun 2020. Bidang ini dijangka menawarkan kira-kira 100,000 peluang pekerjaan baharu menjelang akhir tahun 2020.

Pekerja akuakultur marin berpeluang untuk mengembangkan kerjaya dalam pelbagai bidang industri dan pekerjaan. Prospek pekerjaan dalam akuakultur marin adalah meluas bukan sekadar bekerja di pusat ternakan tetapi mereka juga berpeluang untuk terlibat secara langsung dalam kerja-kerja penyelidikan dan pembangunan yang dilakukan di pejabat atau makmal dalam suasana kerja yang lebih kondusif. Pekerjaan lain yang berkaitan adalah seperti berikut:

- Pembekal peralatan menangkap ikan
- Tenaga pengajar akuakultur
- Penyelia Pasar Basah / Pasar Raya / Restoran Makanan Laut
- Pembekal Ternakan Akuakultur
- Pengusaha /Pembekal Makanan Akuakultur
- Pembekal Sistem Akuakultur
- Konsultan Akuakultur

Industri lain yang berkaitan dengan bidang pekerjaan ini adalah seperti berikut:

- Industri Makanan Berasaskan Ternakan Marin
- Pemasaran (Pasar Raya, Restoran, Hotel)
- Import dan Eksport
- Pelancongan (Aqua Tourism)
- Industri pembenihan ikan marin/tawar

## **9. Peluang Peningkatan Kemahiran**

Walaupun tiada persijilan diperlukan untuk memulakan kerjaya dalam bidang ini, individu yang mempunyai sijil kemahiran dalam bidang akuakultur mempunyai kelebihan untuk memacu kerjaya ke peringkat yang lebih tinggi dalam bidang ini. Personel dalam bidang ini mempunyai peluang meningkatkan kemahiran dengan mengikuti kursus-kursus kemahiran dan akademik yang ditawarkan oleh kolej-kolej perikanan dan institusi pengajian tinggi di Malaysia.

## 10. Organisasi Rujukan Bagi Sumber Maklumat Tambahan

Organisasi berikut boleh dirujuk sebagai sumber maklumat tambahan bagi membantu menerangkan kandungan dokumen.

- 10.1. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani  
Unit Komunikasi Korporat  
Wisma Tani, No. 28  
Persiaran Perdana Presint 4  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62624 Putrajaya  
Tel: 603 – 88701000  
Faks : 603 – 88886906  
Laman web :<http://www.moa.gov.my>
  
- 10.2. Bahagian Latihan Kemahiran Pertanian (BLKP)  
Kementerian Pertanian Dan Asas Tani  
Aras 3, Blok 4G1 Wisma Tani  
No 28 Persiaran Perdana Prisent 4,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya.  
Tel: 603-8870 1000  
Faks: 603-8870 1699  
Laman web: [www.moa.gov.my](http://www.moa.gov.my)
  
- 10.3. Jabatan Perikanan Malaysia  
Tingkat 1-6, Wisma Tani  
Lot 4G2, Presint 4  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62628 Wilayah Persekutuan Putrajaya  
Tel: 603-8870 4000  
Faks: 603-8889 2460  
Laman web: [www.dof.gov.my](http://www.dof.gov.my)
  
- 10.4. Institut Penyelidikan Perikanan  
Jalan Batu Maung  
11960 Batu Maung, Pulau Pinang  
Tel: 604-626 3925/26  
Faks: 604-626 2210  
Laman web: [www.fri.gov.my](http://www.fri.gov.my)
  
- 10.5. Pusat Ikan Hiasan Port Dickson  
Batu 7, Jalan Pantai Teluk Kemang  
71050 Port Dickson, Negeri Sembilan  
Tel: 06-6621089  
Faks: 06-6621097

**11. Jawatankuasa Teknikal Penilaian Standard**

BIL	NAMA	JAWATAN & ORGANISASI
1.	Mohd Aiman Khazai Bin Khairudin	Pengurus Nusa Aqua Enterprise
2.	Mohamad Saupi Bin Ismail	Pegawai Penyelidik Institut Penyelidikan Perikanan Batu Maung, Pulau Pinang




**12. Jawatankuasa Pembangunan Standard****PENYELIAAN OPERASI AKUAKULTUR IKAN HIASAN MARIN****TAHAP 3**

BIL	NAMA	JAWATAN & ORGANISASI
1.	Daud Bin Awang	Pegawai Penyelidik Jabatan Perikanan Malaysia Institut Penyelidikan Perikanan Bintawa, Sarawak
2.	Nawar Bin A. Karim	Pegawai Perikanan Pusat Ikan Hiasan Port Dickson
3.	Ahmad Sabri Bin Katiman	Pembantu Perikanan Pusat Ikan Hiasan Port Dickson
4.	Mohamad Zaini Bin Suleiman	Juruperunding Enzak Maju Enterprise
5.	Norman Ashby@Sancha bin Marsani	Pengarah Urusan Betta Nature Aquarist Enterprise
6.	Mustaqim Bin Mohd Azam	Pengurus Kanan Living Art Aquarium Concept
7.	Mohamad Saufi Bin Halim	Pengurus Aerovs Enterprise
8.	Razani Bin Mohd Akhir	Pengurus Pemasaran Betta Legacy Enterprise
<b>FASILITATOR</b>		
1.	Abu Musa Bin Mohamad Isa	CIAST/PPL/FDS-067/2013 Edusure Sdn Bhd

**KANDUNGAN STANDARD**  
**STANDARD KEMAHIRAN PEKERJAAN KEBANGSAAN (SKPK) UNTUK:**  
**PENYELIAAN OPERASI AKUAKULTUR IKAN HIASAN MARIN**  
**TAHAP 3**

### 13. Carta Profil Kompetensi (CPC)



## 14. Profil Kompetensi (CP)

SEKSYEN	(B) Pertanian, Perhutanan Dan Perikanan		
KUMPULAN	(032) Akuakultur		
BIDANG	Akuakultur Ikan Hiasan Marin		
TAJUK NOSS	Penyeliaan Operasi Akuakultur Ikan Hiasan Marin		
TAHAP NOSS	Tiga (3)	KOD NOSS	A032-003-3:2019

TAJUK CU & KOD CU	DESKRIPSI CU	AKTIVITI KERJA	KRITERIA PRESTASI
1. Penyediaan dan Perawatan Air Masin  A032-003-3:2019-C01	Penyediaan dan Perawatan Air Masin adalah unit kompetensi yang menggariskan keterampilan dalam menyediakan air masin yang berkualiti untuk ternakan marin mengikut spesifikasi yang ditetapkan dan Amalan Akukultur Baik.	1. Bancuh air masin sintetik.	1.1 Sampel air tangki ternakan diambil mengikut prosedur pengoperasian standard. 1.2 Ketumpatan, kemasinan, suhu dan unsur nadir dalam air diperiksa mengikut kaedah pemeriksaan parameter air yang ditetapkan. 1.3 Jenis dan fungsi garam dikenalpasti. 1.4 Nisbah garam dan air dikenalpasti. 1.5 Air masin sintetik dibancuh mengikut nisbah yang ditetapkan. 1.6 Kualiti air ditentukan mengikut spesifikasi yang ditetapkan. 1.7 Aktiviti pembancuhan air masin sintetik direkodkan mengikut prosedur pengoperasian standard.
	Personal yang kompeten dalam unit kompetensi ini berupaya lakukan pembancuhan air masin sintetik, lakukan pengujian sampel air masin semulajadi dan lakukan kerja merawat air masin semulajadi.  Hasil unit kompetensi ini adalah keupayaan memastikan air masin adalah selamat untuk ternakan marin sejajar dengan	2. Uji sampel air masin semulajadi.	2.1 Peralatan dan bahan pengujian air disediakan mengikut arahan kerja. 2.2 Parameter pengujian sampel air dikenalpasti mengikut arahan kerja. 2.3 Sampel air yang diterima diperiksa mengikut prosedur pengoperasian standard. 2.4 Status sampel air yang diuji ditentukan berdasarkan hasil pengujian.

TAJUK CU & KOD CU	DESKRIPSI CU	AKTIVITI KERJA	KRITERIA PRESTASI
	keperluan Amalan Akuakultur Baik.	3. Rawat air masin semulajadi.	<p>2.5 Bacaan pengujian sampel air direkodkan mengikut prosedur pengoperasian standard.</p> <p>3.1 Kaedah rawatan air dikenalpasti mengikut arahan kerja.</p> <p>3.2 Peralatan dan bahan rawatan air disediakan mengikut arahan kerja.</p> <p>3.3 Pemindahan air ke tangki rawatan dikendalikan mengikut arahan kerja.</p> <p>3.4 Rawatan air dilakukan mengikut kaedah yang ditetapkan berdasarkan hasil laporan pengujian sampel air.</p> <p>3.5 Status parameter air yang dirawat diperiksa mengikut prosedur pengoperasian standard.</p> <p>3.6 Hasil pemeriksaan status parameter air direkodkan mengikut prosedur pengoperasian standard.</p> <p>3.7 Penyimpanan dan pengagihan air yang telah dirawat diselaraskan mengikut arahan kerja.</p>

TAJUK CU & KOD CU	DESKRIPSI CU	AKTIVITI KERJA	KRITERIA PRESTASI
<p>2. Penyelarasan Pemasangan Sistem Tangki Ikan Hiasan Marin</p> <p>A032-003-3:2019-C02</p>	<p>Penyelarasan Pemasangan Sistem Tangki Ikan Hiasan Marin adalah unit kompetensi yang menggariskan keterampilan dalam menyusun atur kerja-kerja pemasangan sistem tangki ikan hiasan marin mengikut spesifikasi dan Amalan Akukultur Baik.</p>	<p>1. Kenalpasti keperluan pemasangan sistem tangki ikan hiasan.</p>	<p>1.1 Komponen dan aksesori sistem tangki ikan hiasan ditentukan mengikut arahan kerja. 1.2 Senarai semak pemasangan sistem tangki ikan hiasan diperiksa bagi memastikan pematuhan kepada spesifikasi. 1.3 Peralatan dan bahan pemasangan sistem tangki disediakan mengikut arahan kerja.</p>
	<p>Personal yang kompeten dalam unit kompetensi ini berupaya kenalpasti keperluan pemasangan sistem tangki ikan hiasan, susun atur kerja pemasangan sistem tangki ikan hiasan dan tentukan hasil kerja pemasangan sistem tangki ikan hiasan.</p>	<p>2. Susun atur kerja pemasangan sistem tangki ikan hiasan.</p>	<p>2.1 Taklimat kerja dilakukan berdasarkan arahan kerja. 2.2 Aspek keselamatan diperiksa bagi memastikan pematuhan kepada keperluan keselamatan ditempat kerja. 2.3 Pembahagian kerja dilakukan mengikut jadual dan kepakaran pekerja. 2.4 Kerja pemasangan sistem tangki ikan hiasan dipantau bagi memastikan pematuhan kepada jadual kerja.</p>
	<p>Hasil unit kompetensi ini adalah keupayaan memasang sistem tangki ikan hiasan marin yang memenuhi keperluan spesifikasi dan Amalan Akuakultur Baik.</p>	<p>3. Tentukan hasil kerja pemasangan sistem tangki ikan hiasan.</p>	<p>3.1 Hasil kerja pemasangan diperiksa berdasarkan senarai semak dan arahan kerja. 3.2 Pematuhan spesifikasi pemasangan sistem tangki disahkan berdasarkan hasil pemeriksaan. 3.3 Laporan pemasangan sistem tangki ikan hiasan disediakan mengikut prosedur pengoperasian standard. 3.4 Pengemasan kawasan dan peralatan kerja diselaraskan mengikut Amalan Akuakultur Baik.</p>

TAJUK CU & KOD CU	DESKRIPSI CU	AKTIVITI KERJA	KRITERIA PRESTASI
3. Penyeliaan Rawatan Penyakit Ikan Hiasan Marin  A032-003-3:2019-C03	Penyeliaan Rawatan Penyakit Ikan Hiasan Marin adalah unit kompetensi yang menggariskan keterampilan dalam menyelaras kerja-kerja rawatan ternakan berpenyakit dan langkah-langkah pencegahan mengikut prosedur pengoperasian standard dan Amalan Akukultur Baik.	1. Tentukan keperluan rawatan penyakit ikan hiasan.	1.1 Laporan kesihatan ternakan disemak. 1.2 Jenis penyakit dan cara rawatan disahkan berdasarkan laporan kesihatan. 1.3 Bahan rawatan penyakit dan dos ubatan ditentukan mengikut jenis penyakit. 1.4 Kerja rawatan ternakan dipantau dan kesihatan ternakan disusul.
	Personal yang kompeten dalam unit kompetensi ini berupaya tentukan keperluan rawatan penyakit ikan hiasan, lakukan kerja rawatan penyakit ikan hiasan, dan periksa kualiti air dan kesihatan ikan hiasan secara berkala.	2. Rawat penyakit ikan hiasan.	2.1 Jenis penyakit ikan hiasan dikenalpasti. 2.2 Jenis ubatan dan dos ubatan ditentukan mengikut jenis penyakit dan prosedur pengoperasian standard. 2.3 Perkembangan kesihatan ikan hiasan disusul mengikut Amalan Akuakultur Baik.
	Hasil unit kompetensi ini adalah keupayaan melakukan rawatan dan menjaga kesihatan ikan hiasan marin mengikut prosedur pengoperasian standard dan Amalan Akukultur Baik.	3. Periksa kualiti air dan kesihatan ikan hiasan secara berkala.	3.1 Peralatan pemeriksaan kualiti air dan kesihatan ikan hiasan dikenalpasti. 3.2 Pengujian sampel air dilakukan mengikut prosedur pengoperasian standard. 3.3 Kualiti air ikan hiasan ditentukan berdasarkan hasil pengujian. 3.4 Hasil pengujian kualiti air direkodkan mengikut prosedur pengoperasian standard. 3.5 Aktiviti rawatan penyakit ikan hiasan dilaporkan mengikut prosedur pengoperasian standard.

TAJUK CU & KOD CU	DESKRIPSI CU	AKTIVITI KERJA	KRITERIA PRESTASI
4. Propagasi Karang Laut  A032-003-3:2019-C04	<p>Propagasi Karang Laut adalah unit kompetensi yang menggariskan keterampilan dalam penghasilan karang laut mengikut prosedur propagasi dan Amalan Akuakultur Baik.</p> <p>Personal yang kompeten dalam unit kompetensi ini berupaya tentukan keperluan propagasi karang laut, lakukan propagasi karang laut, dan pantau pertumbuhan karang laut.</p> <p>Hasil unit kompetensi ini adalah keupayaan melakukan kerja-kerja propagasi karang laut dengan mematuhi prosedur propagasi dan Amalan Akuakultur Baik.</p>	1. Tentukan keperluan propagasi karang laut.	1.1 Jenis karang laut dikenalpasti. 1.2 Kaedah propagasi karang laut dikenalpasti. 1.3 Peralatan dan bahan propagasi karang laut disediakan mengikut arahan kerja. 1.4 Parameter air diperiksa mengikut prosedur pengoperasian standard. 1.5 Keperluan pencahayaan ditentukan berdasarkan pemerhatian dan arahan kerja. 1.6 Pematuhan kepada aspek keselamatan dipastikan memenuhi keperluan keselamatan ditempat kerja.
		2. Lakukan propagasi karang laut.	2.1 Jenis karang laut ditentukan mengikut arahan kerja. 2.2 Tangki propagasi disediakan mengikut prosedur pengoperasian standard. 2.3 Kaedah propagasi ditentukan mengikut jenis karang laut. 2.4 Tapak propagasi disediakan mengikut kaedah yang ditetapkan. 2.5 Kerja propagasi dilaksanakan mengikut kaedah dan prosedur yang ditetapkan. 2.6 Karang laut yang telah dipropagasi dikuarantin mengikut prosedur pengoperasian standard.
		3. Pantau pertumbuhan karang laut.	3.1 Jadual pemantauan karang laut disediakan mengikut format yang ditetapkan. 3.2 Keadaan karang laut diperiksa mengikut jadual dan senarai semak pemeriksaan. 3.3 Pertumbuhan karang laut direkodkan mengikut prosedur pengoperasian standard.



TAJUK CU & KOD CU	DESKRIPSI CU	AKTIVITI KERJA	KRITERIA PRESTASI
			3.4 Aktiviti propagasi karang laut dilaporkan mengikut prosedur pengoperasian standard.
<p>5. Fungsi Penyeliaan Operasi Akuakultur Ikan Hiasan Marin</p> <p>A032-003-3:2019-C05</p>	<p>Fungsi Penyeliaan Operasi Akuakultur Ikan Hiasan Marin adalah unit kompetensi yang menggariskan keterampilan dalam melaksana tugas penyeliaan dan operasi pusat ternakan mengikut prosedur pengoperasian standard dan Amalan Akukultur Baik.</p> <p>Personal yang kompeten dalam unit kompetensi ini berupaya laksana taklimat kerja ternakan akuakultur marin, selia pekerja pusat ternakan, kendali latihan dalaman, dan lakukan semakan inventori perkakasan, peralatan dan bahan kerja.</p> <p>Hasil unit kompetensi ini adalah keupayaan memastikan operasi akuakultur ikan hiasan marin berjalan lancar dan memenuhi sasaran strategik pusat ternakan / syarikat.</p>	<p>1. Laksana taklimat kerja ternakan akuakultur marin.</p> <p>2. Selia pekerja pusat ternakan.</p> <p>3. Kendali latihan dalaman.</p>	<p>1.1 Pekerja yang terlibat dikumpul mengikut masa kerja dan tempat yang ditetapkan</p> <p>1.2 Objektif dan butiran taklimat ditentukan mengikut rancangan yang telah ditetapkan</p> <p>1.3 Taklimat kerja ternakan akuakultur marin kepada pekerja dikendali mengikut rancangan yang telah ditetapkan</p> <p>2.1 Senarai pekerja dan senarai tugas disemak.</p> <p>2.2 Disiplin dan prestasi kerja pekerja dipantau mengikut prosedur organisasi.</p> <p>2.3 Prestasi kerja pekerja dinilai mengikut tahap disiplin, kompetensi dan hasil kerja.</p> <p>2.4 Kebajikan pekerja diseliasa mengikut prosedur organisasi.</p> <p>3.1 Keperluan latihan untuk pekerja dianalisis dan dikenalpasti mengikut keperluan kerja.</p> <p>3.2 Senarai pekerja yang memerlukan latihan ditentukan mengikut keperluan operasi.</p> <p>3.3 Keperluan logistik latihan diselaraskan mengikut arahan kerja.</p> <p>3.4 Sesi latihan dijalankan mengikut kaedah dan jadual yang ditetapkan.</p> <p>3.5 Maklumbalas latihan disemak dan ditentukan.</p> <p>3.6 Laporan latihan dalaman dihasilkan mengikut format.</p>

TAJUK CU & KOD CU	DESKRIPSI CU	AKTIVITI KERJA	KRITERIA PRESTASI
		<p>4. Semak inventori perkakasan, peralatan dan bahan kerja.</p>	<p>4.1 Ketepatan jumlah stok dipastikan bertepatan dengan rekod inventori.  4.2 Perbezaan jumlah stok disiasat dan punca perbezaan dikenalpasti.  4.3 Jumlah stok semasa disahkan berdasarkan hasil pemeriksaan.  4.4 Penambahan stok dicadangkan mengikut keperluan dan prosedur inventori.  4.5 Penyimpanan dan penyusunan stok dipastikan memenuhi Amalan Akuakultur Baik.  4.6 Keadaan dan persekitaran tempat penyimpanan inventori dipastikan selamat dan terkawal.</p>

**KURIKULUM UNIT KOMPETENSI**  
**STANDARD KEMAHIRAN PEKERJAAN KEBANGSAAN (SKPK) UNTUK:**  
**PENYELIAAN OPERASI AKUAKULTUR IKAN HIASAN MARIN**  
**TAHAP 3**

## 15. Kurikulum Unit Kompetensi

### 15.1. Penyediaan Dan Perawatan Air Masin

SEKSYEN	(A) Pertanian, Perhutanan dan Perikanan		
KUMPULAN	(032) Akuakultur		
BIDANG	Akuakultur Ikan Hiasan Marin		
TAJUK NOSS	Penyeliaan Operasi Akuakultur Ikan Hiasan Marin		
TAJUK UNIT KOMPETENSI	Penyediaan Dan Perawatan Air Masin		
HASIL PEMBELAJARAN	<p>Hasil unit kompetensi ini adalah keupayaan memastikan air masin adalah selamat untuk ternakan marin sejajar dengan keperluan Amalan Akuakultur Baik.</p> <p>Akhir pembelajaran unit kompetensi ini, pelatih perlu berkebolehan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bancuh air masin sintetik.</li> <li>2. Uji sampel air masin semulajadi.</li> <li>3. Rawat air masin semulajadi.</li> </ol>		
PRA-SYARAT LATIHAN (KHAS)	Tiada.		
KOD CU	A032-003-3:2019-C01	TAHAP NOSS	Tiga (3)

AKTIVITI KERJA	PENGETAHUAN BERKAITAN	KEMAHIRAN BERKAITAN	SIKAP/ KESELAMATAN/ PERSEKITARAN	KRITERIA PENILAIAN
1. Bancuh air masin sintetik.	1.1 Tatacara persampelan air tangki ternakan 1.2 Ketumpatan, kemasinan, suhu dan unsur nadir dalam air 1.3 Jenis dan fungsi garam <ul style="list-style-type: none"> <li>• Garam ikan</li> <li>• Garam karang</li> </ul> 1.4 Nisbah garam dan air 1.5 Kaedah bancuhan air masin sintetik	1.1 Ambil sampel air tangki ternakan. 1.2 Periksa ketumpatan, kemasinan, suhu dan unsur nadir dalam air. 1.3 Kenal pasti jenis dan fungsi garam. 1.4 Kenal pasti nisbah garam dan air.	<u>SIKAP</u> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Teliti dalam pelaksanaan tugas.</li> <li>• Patuh kepada proses dan prosedur kerja.</li> <li>• Peka kepada kos operasi.</li> <li>• Menepati masa yang ditetapkan.</li> </ul>	1.1 Tatacara persampelan air tangki ternakan diterangkan. 1.2 Pengambilan sampel air tangki ternakan dilakukan. 1.3 Ketumpatan, kemasinan, suhu dan unsur nadir dalam air ditentukan dan dijelaskan. 1.4 Jenis dan fungsi garam disenarai dan diterangkan. 1.5 Nisbah garam dan air dijelaskan.

AKTIVITI KERJA	PENGETAHUAN BERKAITAN	KEMAHIRAN BERKAITAN	SIKAP/ KESELAMATAN/ PERSEKITARAN	KRITERIA PENILAIAN
	1.6 Parameter kualiti air	1.5 Gunakan kaedah dan nisbah bancuhan air masin sintetik. 1.6 Tentukan kualiti air. 1.7 Rekodkan aktiviti pembancuhan air masin sintetik.	<p><u>KESELAMATAN</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Peka kepada keperluan keselamatan semasa bekerja.</li> <li>• Berhati-hati dan berhemah ketika menggunakan peralatan dan bahan kerja.</li> </ul> <p><u>PERSEKITARAN</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Patuh kepada peraturan berkaitan persekitaran.</li> </ul>	1.6 Bancuhan air masin sintetik dilakukan mengikut nisbah yang ditetapkan. 1.7 Kualiti air ditentukan mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

AKTIVITI KERJA	PENGETAHUAN BERKAITAN	KEMAHIRAN BERKAITAN	SIKAP/ KESELAMATAN/ PERSEKITARAN	KRITERIA PENILAIAN
2. Uji sampel air masin semulajadi.	2.1 Jenis dan fungsi peralatan dan bahan pengujian air 2.2 Parameter pengujian sampel air <ul style="list-style-type: none"> <li>• Nitrat</li> <li>• Ammonia</li> <li>• Magnesium</li> <li>• Kalsium</li> </ul> 2.3 Prosedur pengujian sampel air	2.1 Sediakan peralatan dan bahan pengujian air. 2.2 Kenal pasti parameter pengujian sampel air. 2.3 Periksa sampel air yang diterima. 2.4 Tentukan status sampel air yang diuji. 2.5 Rekodkan bacaan pengujian sampel air.	<u>SIKAP</u> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Teliti dalam pelaksanaan tugas.</li> <li>• Patuh kepada proses dan prosedur kerja.</li> <li>• Peka kepada kos operasi.</li> <li>• Menepati masa yang ditetapkan.</li> </ul> <u>KESELAMATAN</u> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Peka kepada keperluan keselamatan semasa bekerja.</li> <li>• Berhati-hati dan berhemah ketika menggunakan peralatan dan bahan kerja.</li> </ul> <u>PERSEKITARAN</u> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Patuh kepada peraturan berkaitan persekitaran.</li> </ul>	2.1 Peralatan dan bahan pengujian air dikenalpasti dan disediakan mengikut arahan kerja. 2.2 Parameter pengujian sampel air dikenalpasti dan dijelaskan. 2.3 Pemeriksaan sampel air yang diterima dilakukan mengikut prosedur pengoperasian standard. 2.4 Status sampel air yang diuji ditentukan berdasarkan hasil pengujian. 2.5 Bacaan pengujian sampel air direkodkan mengikut prosedur pengoperasian standard.

AKTIVITI KERJA	PENGETAHUAN BERKAITAN	KEMAHIRAN BERKAITAN	SIKAP/ KESELAMATAN/ PERSEKITARAN	KRITERIA PENILAIAN
<p>3. Rawat air masin semulajadi.</p>	<p>3.1 Kaedah rawatan air</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>UV sterilizer</i></li> <li>• <i>Ozonizer</i></li> <li>• Mekanikal</li> <li>• Kimia</li> <li>• Biologi</li> </ul> <p>3.2 Jenis dan fungsi peralatan dan bahan rawatan air</p> <p>3.3 Tatacara pemindahan air ke tangki rawatan</p> <p>3.4 Prosedur rawatan air</p> <p>3.5 Kaedah penyimpanan dan pengagihan air yang telah dirawat</p>	<p>3.1 Kenal pasti kaedah rawatan air.</p> <p>3.2 Sediakan peralatan dan bahan rawatan air.</p> <p>3.3 Kendalikan pemindahan air ke tangki rawatan.</p> <p>3.4 Gunakan kaedah rawatan air masin yang ditetapkan.</p> <p>3.5 Periksa status parameter air yang dirawat.</p> <p>3.6 Rekodkan hasil pemeriksaan status parameter air.</p> <p>3.7 Selaraskan penyimpanan dan pengagihan air yang telah dirawat.</p>	<p><u>SIKAP</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Teliti dalam pelaksanaan tugas.</li> <li>• Patuh kepada proses dan prosedur kerja.</li> <li>• Peka kepada kos operasi.</li> <li>• Menepati masa yang ditetapkan.</li> </ul> <p><u>KESELAMATAN</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Peka kepada keperluan keselamatan semasa bekerja.</li> <li>• Berhati-hati dan berhemah ketika menggunakan peralatan dan bahan kerja.</li> </ul> <p><u>PERSEKITARAN</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Patuh kepada peraturan berkaitan persekitaran.</li> </ul>	<p>3.1 Kaedah rawatan air dikenalpasti dan diterangkan.</p> <p>3.2 Peralatan dan bahan rawatan air dikenalpasti dan disediakan.</p> <p>3.3 Pemindahan air ke tangki rawatan dilakukan mengikut prosedur pengoperasian standard.</p> <p>3.4 Rawatan air dilakukan mengikut kaedah yang ditetapkan berdasarkan hasil laporan pengujian sampel air.</p> <p>3.5 Hasil pemeriksaan status parameter air direkodkan mengikut prosedur pengoperasian standard.</p> <p>3.6 Penyimpanan dan pengagihan air yang telah dirawat diperiksa dan disahkan.</p>

## Kemahiran Keboleherjaan

### Kebolehan Teras

- Sila rujuk SKK-Kebolehan Teras edisi terkini.

### Nilai Sosial & Kemahiran Sosial

- Sila rujuk *Handbook on Social Skills and Social Values in Technical Education and Vocational Training*.

## Sumber Rujukan Bagi Pembangunan Bahan Pembelajaran

- 1 Blasiola, George C. 2010. Saltwater Aquarium Handbook (3rd Edition). Barron's Educational Series Inc. ISBN 978074142543
- 2 Kurtz, Jebbry. 2009. The Simple Guide to Marine Aquariums (2nd Edition). TFH Publications Inc. ISBN 9780793806720
- 3 Skomel, G. 2007. Saltwater Aquariums for Dummies (2nd Edition). Wiley Publishing Inc. © ISBN 9780470068052
- 4 Goldstein, Robert J. Marine Reef Aquarium Handbook. Barron's Educational Series Inc. ISBN 978076413674
- 5 MS 1998: 2007 – Good Aquaculture Practice (GAqP) - Aquaculture Farm General Guidelines.



### 15.2. Penyelarasan Pemasangan Sistem Tangki Ikan Hiasan

SEKSYEN	(A) Pertanian, Perhutanan dan Perikanan
KUMPULAN	(032) Akuakultur
BIDANG	Akuakultur Ikan Hiasan Marin
TAJUK NOSS	Penyeliaan Operasi Akuakultur Ikan Hiasan Marin
TAJUK UNIT KOMPETENSI	Penyelarasan Pemasangan Sistem Tangki Ikan Hiasan
HASIL PEMBELAJARAN	<p>Hasil unit kompetensi ini adalah keupayaan memasang sistem tangki ikan hiasan marin yang memenuhi keperluan spesifikasi dan Amalan Akuakultur Baik.</p> <p>Akhir pembelajaran unit kompetensi ini, pelatih perlu berkebolehan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kenalpasti keperluan pemasangan sistem tangki ikan hiasan.</li> <li>2. Susun atur kerja pemasangan sistem tangki ikan hiasan.</li> <li>3. Tentukan hasil kerja pemasangan sistem tangki ikan hiasan.</li> </ol>
PRA-SYARAT LATIHAN (KHAS)	Tiada.
KOD CU	A032-003-3:2019-C02
	TAHAP NOSS
	Tiga (3)

AKTIVITI KERJA	PENGETAHUAN BERKAITAN	KEMAHIRAN BERKAITAN	SIKAP/ KESELAMATAN/ PERSEKITARAN	KRITERIA PENILAIAN
1. Kenalpasti keperluan pemasangan sistem tangki ikan hiasan.	1.1 Komponen dan aksesori sistem tangki 1.2 Senarai semak pemasangan sistem tangki 1.3 Jenis dan fungsi peralatan dan bahan pemasangan sistem tangki	1.1 Tentukan komponen dan aksesori sistem tangki. 1.2 Periksa senarai semak pemasangan sistem tangki. 1.3 Sediakan peralatan dan bahan pemasangan sistem tangki.	<u>SIKAP</u> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Teliti dalam pelaksanaan tugas.</li> <li>• Patuh kepada proses dan prosedur kerja.</li> <li>• Peka kepada kos operasi.</li> <li>• Menepati masa yang ditetapkan.</li> </ul>	1.1 Komponen dan aksesori sistem tangki disenarai dan diterangkan. 1.2 Senarai semak pemasangan sistem tangki diperiksa bagi memastikan pematuhan kepada spesifikasi. 1.3 Peralatan dan bahan pemasangan sistem tangki disediakan mengikut arahan kerja.

AKTIVITI KERJA	PENGETAHUAN BERKAITAN	KEMAHIRAN BERKAITAN	SIKAP/ KESELAMATAN/ PERSEKITARAN	KRITERIA PENILAIAN
			<p><u>KESELAMATAN</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Peka kepada keperluan keselamatan semasa bekerja.</li> <li>• Berhati-hati dan berhemah ketika menggunakan peralatan dan bahan kerja.</li> </ul> <p><u>PERSEKITARAN</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Patuh kepada peraturan berkaitan persekitaran.</li> </ul>	

